

27 APR 2001

MDC-PERJANJIAN

MDC METERTAI MOU DENGAN TECOM DI DUBAI

Oleh: Harlina Samson

DUBAI, 27 April (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) hari ini menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan Dubai Technology, E-Commerce and Media Free Zone Authority (TECOM) di sini, membuka jalan bagi kerjasama dalam teknologi maklumat (IT).

Di bawah MoU itu, MDC, yang menerajui pembangunan dan pengurusan Koridor Raya Multimedia (MSC), dan tiga komponen TECOM -- Dubai Internet City (DIC), Dubai Media City dan Dubai Idea Oasis -- akan bersama-sama menerokai projek-projek kerjasama dalam pelbagai bidang di dalam industri IT.

MoU itu ditandatangani oleh pengerusi MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah ketua pengarah Dubai TECOM, Mohammed Gergawi.

Ia disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini semalam untuk lawatan dua hari. Dr Mahathir melawat DIC dan Emirates Hills dan Dubai Marina semalam.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Othman berkata dengan MoU itu, MDC dan DIC akan bekerja sama dan berkongsi pengalaman mereka mengenai strategi-strategi dan amalan-amalan terbaik dalam memupuk industri IT.

Katanya DIC dibangunkan agak pantas dan mempunyai lebih daripada 200 syarikat terutamanya syarikat-syarikat antarabangsa berurusan di dalam industri multimedia dan IT.

"Perhubungan dengan DIC akan membawa syarikat-syarikat Malaysia bertaraf MSC bekerjasama dan menembusi pasaran yang besar industri IT di Timur Tengah," katanya.

Dr Mahathir turut menyaksikan pemeteraian satu lagi MoU antara syarikat Malaysia, airportXchange (AX) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai dan DIC. AX adalah pembekal penyelesaian pengurusan lapangan terbang bagi Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Presiden AX Suhaimee Abu Hassan berkata MoU antara AX dan DIC akan membolehkan kedua-dua pertubuhan mengenal pasti bidang-bidang perniagaan berpotensi di mana DIC akan membekalkan perkhidmatan Internet dan prasarana pengkomputerannya untuk menyertai di dalam inisiatif e-dagang AX.

AX, pemaju dan pengendali sebuah pasaran terbuka online, adalah hasil sampingan XYBASE, sebuah syarikat Malaysia yang aktiviti utamanya termasuk mengendalikan satu platform e-dagang lengkap bagi masyarakat lapangan terbang.

"MoU antara AX dan DIC akan memastikan pelaksanaan dan pengendalian Pertukaran di rantau Teluk adalah sejajar dengan kemudahan-kemudahan canggih dan prasarana yang dibekalkan oleh DIC," kata Suhaimee.

MoU antara AX dan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai akan mengandungi satu rangka cadangan tindakan-tindakan untuk mempermudah perjanjian bersama dan jangka panjang di mana Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai akan menjadi lapangan terbang teraju bagi rantau Timur Tengah.

Di bawah MoU itu, AX akan membekalkan rangkaian bekalan secara online cekap dengan itu menghasilkan pendapatan daripada bidang-bidang mengenai inovasi-inovasi online baru melalui urusanniaga, langganan dan yuran-yuran lain yang dikenakan ke atas penggunaan perkhidmatan AX oleh kerana model urusanniaga adalah berasaskan kepada perkongsian pendapatan. -- BERNAMA

HS ES MKO FR OS